

# AXCEL SORFIC CREAM

Tretinoin (0.05% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Sorfic Cream.
2. Bagaimana Axcel Sorfic Cream berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Sorfic Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Sorfic Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Sorfic Cream.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Sorfic Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Sorfic Cream

Axcel Sorfic Cream digunakan bagi merawat jerawat dan menggalakkan pembentukan tisu lembut.

## Bagaimana Axcel Sorfic Cream berfungsi

Tretinoin tergolong dalam kelas ubat yang dikenali sebagai retinoid. Ia bertindak dengan mempengaruhi pertumbuhan sel-sel kulit. Ia menggalakkan pengelupasan kulit yang terjejas dan menghalang liang-liang daripada tersumbat.

## Sebelum menggunakan Axcel Sorfic Cream

### Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mengambil persediaan lain terutamanya agen *desquamative* (pengelupasan).
- Jika anda menghidapi ekzema (keadaan kulit yang sering gatal dengan kemerahan, bengkak, cecair meleleh, pengupingan yang boleh menjadi sisik) akut.
- Jika anda menghidapi radang kulit akut.
- Jika anda menghidapi rosacea (penyakit kulit yang kelihatan kemerahan pada bahagian muka).

- Jika ia tidak dipreskripsi oleh doktor atau ahli farmasi yang berkelayakan.

### Sebelum mula menggunakan Axcel Sorfic Cream

Sebelum anda mengguna Axcel Sorfic Cream anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada ubat-ubatan.
- Jika anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsi oleh doktor anda).
- Jika anda mengandung.

### Jika mengambil ubat-ubatan lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain kerana ia mungkin akan berinteraksi dengan Axcel Sorfic Cream:

- Rawatan dengan agen *desquamative*.

## Cara menggunakan Axcel Sorfic Cream

### Berapa banyak harus digunakan

Krim ini bertujuan bagi penggunaan luaran sahaja.

- Axcel Sorfic Cream perlu digunakan sekali sehari, melainkan jika disarankan oleh doktor anda.
- Bersihkan kawasan jangkitan-jerawat, kemudian sapu dengan rata Axcel Sorfic Cream dengan menggunakan jari.
- Jika masalah iritasi kulit terlalu serius, jarak antara penggunaan perlu dipanjangkan.

### Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengguna Axcel Sorfic Cream bergantung kepada jenis jangkitan yang anda hadapi.

### Berapa lama perlu digunakan

- Gunakan krim ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melangkau atau melebihi

kekerapan penggunaan dalam sehari dan tempoh penggunaan.

- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengguna ubat anda.
- Bagi memperoleh kesan terapeutik yang berkesan, secara amnya, satu rawatan memerlukan 8-12 minggu.

### Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa untuk menggunakan krim anda pada sesetengah masa, gunakan krim anda dengan segera. Abaikan penggunaan yang terlupa sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya.

### Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jangan risau jika anda menggunakan krim ini dengan berlebihan beberapa kali secara tidak sengaja. Jika anda menggunakan atau menelan dengan banyak secara tidak sengaja, ia boleh menyebabkan anda berasa tidak sihat. Anda boleh maklumkan doktor atau pergi hospital dengan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Sorfic Cream

### Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa menggunakan krim ini.
- Maklumkan doktor anda jika anda perlu menggunakan ubatan lain.
- Guna Axcel Sorfic Cream mengikut cara dan tempoh yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan gunakan Axcel Sorfic Cream lebih daripada frekuensi

# AXCEL SORFIC CREAM

Tretinoin (0.05% w/w)

- yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan sapu secara berlapis-lapis pada kawasan jangkitan.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Hindari dari terkena mata, mulut, lubang hidung dan membran mukus (lapisan dalaman kulit yang lembap), jika terkena, bilas dengan air.
- Agen pengelupusan topikal yang lain dan penggunaan sabun yang berlebihan perlu dielakkan.
- Jangan guna pada wanita mengandung.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Sorfic Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjuma dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan yang telah dilaporkan:

- Kulit kemerahan.
- Kulit mungkin menjadi oedematous (bengkak) dan bergelembung pada orang yang lebih sensitif.
- Jerawat mungkin menjadi lebih teruk pada mulanya.
- Peningkatan tahap sensitif pada cahaya ultra ungu.
- Rawatan jangkamasa lama mungkin menyebabkan hypopigmentation (kehilangan warna kulit).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> reporting*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Sorfic Cream**

##### Penyimpanan

Jauhkan Axcel Sorfic Cream daripada jangkauan kanak-kanak.

Simpan krim anda di bawah 25°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

##### Pelupusan

Jangan guna Axcel Sorfic Cream yang melepassi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### Rupa dan warna produk

Axcel Sorfic Cream ialah krim berwarna kuning muda, larut air dan berbau harum.

##### Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:  
Tretinoin (Retinoic Acid)

Bahan-bahan Tidak Aktif:

Vitamin E, D-Panthenol, Cremophor A6, Cremophor A25, Dehydag Wax "0", Chlorocresol, Sodium Dihydrogen Phosphate Anhydrous, Liquid Paraffin, Propylene Glycol, Fragrance P070, Purified Water.

##### Nombor MAL

MAL19900110A

#### **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

16/06/2015

#### **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)220415/00074